KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 15 SEPTEMBER 2026 (SELASA)	
MEDIA	Astro Awani
TAJUK	MIHAS 2026 platform ketengah cadangan penubuhan Majlis Halal ASEAN
PAUTAN	https://tinyurl.com/55d6zz75

MALAYSIA

MIHAS 2026 platform ketengah cadangan penubuhan Majlis Halal ASEAN - Ahmad Zahid

Bernama
14/09/2026 | 22:15 MYT



Malaysia akan menggunakan platform Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS) 2026 untuk mengetengahkan cadangan penubuhan Majlis Halal ASEAN dengan Malaysia sebagai sekretariat, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi. - Foto Facebook Zahid Hamidi

PUTRAJAYA: Malaysia akan menggunakan platform Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS) 2026 untuk mengetengahkan cadangan penubuhan Majlis Halal ASEAN dengan Malaysia sebagai sekretariat, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau yang juga Pengerusi Majlis Pembangunan Industri Halal (MPIH) berkata perkara itu diputuskan dalam mesyuarat MPIH hari ini yang memberikan tumpuan kepada usaha memperkukuh tadbir urus, meningkatkan pelaburan serta memperluas akses pasaran industri halal Malaysia.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 15 SEPTEMBER 2026 (SELASA)	
MEDIA	TVS
TAJUK	KKDW komited pastikan kesejahteraan masyarakat luar bandar
PAUTAN	https://tinyurl.com/yh9rt8a2



Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Rubiah Wang. Foto: TVS.

Berita Berkaitan



KKDW komited pastikan kesejahteraan masyarakat luar bandar

By TVS **#bm, Berita Sarawak September 14, 2026 2:55 PM**

KOTA SAMARAHAN, 14 Sept: Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) terus komited memastikan kesejahteraan masyarakat luar bandar diperkasa menerusi pelaksanaan pelbagai program pembangunan yang menyeluruh dan inklusif, selaras dengan aspirasi Kerajaan MADANI.


Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Rubiah Wang berkata, usaha berkenaan dilaksanakan berdasarkan dasar pembangunan luar bandar serta perancangan strategik kementerian bagi memastikan kawasan luar bandar terus membangun secara holistik.

Menurutnya, pembangunan yang dilaksanakan bukan sahaja tertumpu kepada penyediaan infrastruktur asas, malah turut merangkumi aspek sosial, ekonomi, pendidikan dan pembangunan modal insan.

"KKDW ingin memastikan kawasan luar bandar ini membangun secara holistik, mampan dan inklusif, yang mana bukan sahaja kita menyediakan infrastruktur asas yang menjadi keutamaan atau tanggungjawab utama kita, malah kita juga menyediakan program-program sosial ekonomi, khususnya dari sudut program pembangunan ekonomi," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya pada Program Serahan Projek Pemasangan Lampu Jalan Kampung (LJK) Solar One-Off di kawasan Parlimen Kota Samarahan bagi daerah Samarahan yang berlangsung di Dewan Serbaguna Kampung Tanjung Tuang, pada Isnin.

Jelas Rubiah, antara infrastruktur asas yang diberi perhatian oleh KKDW termasuk jalan luar bandar, jalan dan jambatan perhubungan desa, jalan ladang, lampu jalan kampung, bekalan air serta bekalan elektrik luar bandar.



KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 15 SEPTEMBER 2026 (SELASA)	
MEDIA	TVS
TAJUK	Lampu solar LED cerahkan kampung di Asajaya
PAUTAN	https://tinyurl.com/mv6xhm95



Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Rubiah Wang bersama KMKK beberapa kampung di Asajaya dan model lampu solar LED yang akan dipasang. Foto TVS

Berita Berkaitan



Lampu solar LED cerahkan kampung di Asajaya

By TVS **#bm, Berita Sarawak September 14, 2026 1:45 PM**

ASAJAYA, 14 Sept: Projek pemasangan lampu jalan kampung solar LED oleh Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) di Asajaya dijangka meningkatkan keselesaan dan keselamatan penduduk khususnya di kawasan yang belum mempunyai kemudahan tiang elektrik.

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Rubiah Wang berkata, penggunaan lampu solar LED merupakan pendekatan baharu KKDW bagi menangani keperluan pencahayaan di kawasan luar bandar yang tidak mempunyai rangkaian elektrik, selain berpotensi menjimatkan kos pemasangan dan penyelenggaraan.

"Program ini julung-julung kali diadakan KKDW. Sebelum ini, program kita lebih kepada lampu jalan kampung hibrid yang menggunakan tiang elektrik sedia ada.

"Namun, disebabkan perkembangan sains dan teknologi, kita mencari kaedah yang sesuai untuk sampai kepada masyarakat luar bandar khususnya kawasan yang tidak mempunyai bekalan elektrik dan tenaga solar merupakan satu kaedah yang amat sesuai dan tepat," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan pada Program Serahan Projek Pemasangan LJK Solar One Off di kawasan Parlimen Kota Samarahan bagi daerah Asajaya yang berlangsung di Pusat Penjaja MPKS, di sini, hari ini.

Rubiah menjelaskan, projek itu melibatkan dua pakej pemasangan merangkumi Kampung Teluk Sabang, Kampung Tambirat Hilir dan Kampung Rebak untuk pakej pertama, manakala pakej kedua melibatkan Kampung Serpan Laut serta Kampung Asajaya Tengah.

Kerja bagi projek berkenaan bermula 4 September dan dijangka siap sepenuhnya pada 27 November ini.

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 15 SEPTEMBER 2026 (SELASA)	
MEDIA	TVS
TAJUK	KMKK diminta pantau lampu solar LED
PAUTAN	https://tinyurl.com/59jn9jrk



Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Rubiah Wang. Foto TVS

Berita Berkaitan



KMKK digesa bantu pelajar tercicir sertai TVET
By TVS September 14, 2026 3:11 PM



KKDW komited pastikan kesejahteraan masyarakat luar bandar
By TVS September 14, 2026 2:55 PM



Lampu solar LED cerahkan kampung di Asajaya
By TVS September 14, 2026 1:45 PM



794 lampu LED dipasang di laluan Petra Jaya – Rambungan
By TVS September 5, 2026 6:55 PM



Peruntukan projek jalan luar bandar KKDW disalur sepenuhnya – KSU Perbendaharaan
By Bernama September 2, 2026 4:48 PM

KMKK diminta pantau lampu solar LED

By TVS **#bm, Berita Sarawak September 14, 2026 2:09 PM**

ASAJAYA, 14 Sept: Ketua masyarakat dan ketua kaum (KMKK) diminta membantu memastikan keselamatan lampu solar LED yang disediakan di bawah Projek Sejahtera Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) daripada risiko kecurian serta vandalisme.

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Rubiah Wang berkata, kerjasama KMKK dan penduduk kampung penting bagi memastikan kemudahan yang disediakan kerajaan dipelihara dan terus memberi manfaat kepada masyarakat.

Menurutnya, pemantauan secara berkala perlu dilakukan supaya sebarang kerosakan atau masalah terhadap lampu solar dapat dikenal pasti dan dilaporkan kepada pihak bertanggungjawab.

"Menteri Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak, Dato Sri Julaihi Narawi ada memaklumkan banyak vandalisme yang berlaku terhadap bekalan air dan elektrik di kawasan kita. Di seluruh negara juga menghadapi masalah yang sama.

"Kita perlu ada semangat kerjasama, memantau penyelenggaraan dan penyeliaan projek yang diserahkan kepada pihak kampung. Sebab itu, jika boleh Pejabat Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (PKN) Cawangan Sarawak memberikan tanda pada lampu di tiang lampu solar supaya mudah dikenali penduduk kampung," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada program serahan Projek Pemasangan Lampu Jalan Kampung (LJK) Solar One Off di kawasan Parlimen Kota Samarahan bagi daerah Asajaya yang berlangsung di Pusat Penjaja MPKS, hari ini.

Dalam ucapan sama, Rubiah meminta setiap KMKK mempunyai fail khas yang merekodkan maklumat berkaitan projek dan aset kampung, termasuk kemudahan lampu jalan solar KKDW.

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 15 SEPTEMBER 2026 (SELASA)	
MEDIA	UKAS
TAJUK	RM1. 8 juta terangi 23 kampung luar bandar Kota Samarahan
PAUTAN	https://tinyurl.com/4fxmu5p5

RM1.8 Juta Terangi 23 Kampung Luar Bandar Kota Samarahan



14 September 2026
156

Kongsi ke:

Tag:

MPKS *KKDW*

pemasangan lampu jalan solar LED

KOTA SAMARAHAN: Sebanyak RM1.8 juta diperuntukkan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) bagi pemasangan lampu jalan solar LED di 23 kampung dalam kawasan Parlimen Kota Samarahan, sekali gus meningkatkan pencahayaan serta keselamatan penduduk luar bandar.

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah merangkap Ahli Parlimen Kota Samarahan, Datuk Rubiah Wang berkata, projek berkenaan memberi keutamaan kepada kawasan yang belum mempunyai bekalan elektrik grid, khususnya jalan kampung dan lokasi strategik yang sering digunakan masyarakat.

Menurutnya, penggunaan teknologi solar membolehkan kemudahan pencahayaan disediakan tanpa bergantung sepenuhnya kepada bekalan elektrik grid, di samping berpotensi mengurangkan kos operasi dan memperbaiki persekitaran kampung.

"Projek ini memberi pencahayaan di kawasan yang memerlukan, terutama lokasi yang tidak mempunyai tiang elektrik, sekali gus membantu meningkatkan keselamatan dan keselesaan penduduk," katanya.

Beliau berkata demikian ketika meninjau pelaksanaan projek berkenaan di Pusat Penjaja Majlis Perbandaran Kota Samarahan (MPKS) Tambirat, di sini pada Isnin.

Bagi kawasan Kota Samarahan, projek tersebut dilaksanakan menerusi enam pakej yang melibatkan 23 kampung, manakala Zon Asajaya merangkumi dua pakej melibatkan Kampung Teluk Sabang, Kampung Tambirat Hilir, Kampung Rebak, Kampung Serpan Laut dan Kampung Asajaya Tengah.

Terkini



SK Beluru Central Nikmati Kemudaha...
Edisi Utara
7 minit yang lalu



Hari Malaysia 2026: Persiapan Akhir...
Edisi Selatan
3 jam yang lalu



Kompleks UNIFOR Gambaran Model...
Edisi Utama
3 jam yang lalu



MASOC Perkukuh Koordinasi,...
Edisi Utama
12 jam yang lalu

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 15 SEPTEMBER 2026 (SELASA)	
MEDIA	Berita RTM
TAJUK	Usahawan desa bukan pemain kecil ekonomi negara
PAUTAN	https://tinyurl.com/326b95kp

Usahawan desa bukan pemain kecil ekonomi negara

14/09/2026 | 11:13 AM - 50 - PERSPEKTIF



Foto BERNAMA

SAUDARA PENGARANG

RINGKASAN BERITA AI

Usahawan desa tidak wajar dilihat sebagai pemain kecil dalam ekonomi negara. Walaupun ramai bermula secara kecil-kecilan, peranan mereka kepada komuniti, pekerjaan dan ekonomi setempat sangat penting.

Menurut Laporan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana 2025 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, PMKS menyumbang 39.7 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar negara pada tahun 2025, dengan nilai ditambah RM689.8 bilion.

PMKS juga merangkumi 48.7 peratus daripada jumlah keseluruhan guna tenaga Malaysia, melibatkan 8.09 juta pekerja.

Data ini menunjukkan bahawa PMKS bukan sektor kecil. Dalam konteks luar bandar, PMKS bukan sahaja menjana pendapatan, tetapi juga menghidupkan ekonomi komuniti.

Sebab itu, usahawan desa perlu dibantu dengan lebih tersusun, bukan hanya dilihat sebagai peniaga kecil yang menjual untuk menampung kehidupan harian.

Usahawan Perlukan Strategi

Berdasarkan pemerhatian lapangan di Perlis, ramai usahawan baharu sebenarnya mempunyai produk, semangat dan perancangan awal. Namun, mereka masih terhad dari segi pengetahuan, jaringan, bimbingan dan strategi untuk membawa perniagaan ke tahap yang lebih baik.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 15 SEPTEMBER 2026 (SELASA)	
MEDIA	The Star
TAJUK	Malaysia to promote proposal for ASEAN Halal Council
PAUTAN	https://tinyurl.com/54nev7sz

Malaysia to promote proposal for Asean halal council

PUTRAJAYA: Malaysia will use the Malaysia International Halal Showcase 2026 to promote a proposal to establish an Asean Halal Council, with Malaysia proposed as its secretariat, says Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi (pic).

Ahmad Zahid, who is also chairman of the Halal Industry Development Council, said the matter was decided at a meeting held yesterday, which focused on strengthening governance, increasing investment and expanding market access for Malaysia's halal industry.

"Malaysia has also held discussions with Saudi Arabia on the establishment of a World Halal Development Council, which has been proposed to be chaired by Saudi Arabia," he said in a statement.



The showcase will be held from Sept 23 to 26 at the Malaysia International Trade and Exhibition Centre, Bernama reported.

Ahmad Zahid said the country's halal industry continued to show strong potential, with the sector's contribution to gross domestic product (GDP) increasing 6.1% to RM81.25bil, or 7.6% of the country's GDP, as of June 30.

"Exports stood at RM33.29bil, while cumulative investments in Halal Industrial Parks amounted to RM13.73bil."

He said the meeting also agreed to strengthen the facilitation of halal certification for micro, small and medium enterprises through a pilot project in Kampung Baru, including the deployment of Halal Development Officers and integration of local authority licensing systems with MyHalal.

He said the Malaysian Investment Development Authority and Halal Development Corporation would also step up promotional efforts for the 14 Halal Malaysia-status Halal Industrial Parks, which currently house 389 active investors.

Ahmad Zahid said he wanted the success of the Negri Sembilan Cottage Halal Initiative, which helped 360 out of 390 entrepreneurs obtain halal certification, to be documented as a national reference model.

The meeting also gave in-principle support to the Sarawak Halal Industry Development Plan 2026-2030 towards establishing an Integrated Borneo Halal Hub.

He said although Malaysia's halal exports reached RM68.52bil in 2025, only 14.7% of halal-certified companies were exporters, indicating that a gap still needed to be addressed.

"I am confident that Malaysia's halal industry has great potential to continue growing as a driver of the national economy while strengthening Malaysia's position as a competitive, credible and sustainable Global Halal Hub."

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **15 SEPTEMBER 2026 (SELASA)**	
MEDIA	China Press
TAJUK	Manfaatkan pameran untuk dorong penubuhan Majlis Halal ASEAN
PAUTAN	https://tinyurl.com/5n8dz6xe



■阿末扎希（中）主持清真产业发展理事会会议。

藉展出推動成立東盟清眞理事會

（吉隆坡14日讯）副首相拿督斯里阿末扎希指出，我国将利用2026年马来西亚国际清真展（MIHAS 2026），推动成立东盟清真理事会的建议，并提议由大马担任该理事会的秘书处。

他今日主持清真产业发展理事会会议后，而发文告说，这项决定是在今日举行的清真产业发展理事会会议上作出的，会议重点讨论加强治理、增加投资，以及扩大马来西亚清真产业的市场准入。

他说，我国也已与沙地阿拉伯就成立世界清真发展理事会展开讨论，并建议由沙地阿拉伯担任该理事会主席。"

展現強勁潛力

2026年马来西亚国际清真展（MIHAS 2026）将于9月23日至26日在马来西亚国际贸易与会展中心（MITEC）举行。

阿末扎希说，我国清真产业持续展现强劲潜力，截至6月30日，清真产业对国内生产总值（GDP）的贡献增长6.1%，创下812亿5000万令吉，占全国GDP的7.6%。

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 15 SEPTEMBER 2026 (SELASA)	
MEDIA	Utusan Malaysia
TAJUK	Industri halal sumbang RM81.25b KDNK Malaysia
PAUTAN	https://tinyurl.com/629fttxa



AHMAD Zahid Hamidi mempengerusikan Mesyuarat Majlis Pembangunan Industri Halal di Putrajaya, semalam.

Industri halal sumbang RM81.25b KDNK Malaysia

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Industri halal negara terus berkembang sebagai antara pemacu penting ekonomi apabila sumbangannya kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) meningkat 6.1 peratus kepada RM81.25 bilion bersamaan 7.6 peratus daripada KDNK negara.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, prestasi itu turut disokong nilai eksport halal sebanyak RM33.29 bilion, manakala pelaburan kumulatif di Taman Industri Halal mencecah RM13.73 bilion.

Beliau yang juga Pengerusi Majlis Pembangunan Industri Halal (MPIH) berkata, perkembangan tersebut membuktikan industri halal mempunyai potensi besar untuk terus diperkasa sebagai pemacu ekonomi negara.

Katanya, justeru itu mesyuarat majlis yang dipengerusikan beliau semalam bersetuju supaya pemudahcaraan pensijilan halal Perusahaan kecil, mikro dan sederhana (PMKS) diperkasa melalui projek rintis di Kampung Bharu.

"Ini termasuk penugasan Pegawai Pembangunan Halal dan integrasi sistem pelesenan PBT dengan MyHalal.

"Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Perbadanan Pembangunan Halal (HDC) juga akan mempergiat promosi kepada 14 Taman Industri Halal berstatus HALMAS yang kini menempatkan 389 pelabur aktif," katanya dalam kenyataan semalam.

Ahmad Zahid juga mahu kejayaan Inisiatif Halal Kotej Negeri Sembilan yang membantu 360 daripada 390 usahawan memperoleh pensijilan halal didokumentasikan sebagai model rujukan nasional.

Pada masa sama, Pelan Pembangunan Industri Halal Sarawak 2026-2030 turut disokong ke arah Hab Halal Bersepadu Borneo.

"Walaupun eksport halal Malaysia telah mencecah RM68.52 bilion pada 2025, hanya 14.7 peratus daripada syarikat berstatus halal merupakan pengeksport. Ini jurang yang mesti kita tutup.

"Saya yakin industri halal Malaysia mempunyai potensi besar untuk terus berkembang sebagai pemacu ekonomi negara serta memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai Hab Halal Global yang berdaya saing, berintegriti dan mampan," katanya.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 15 SEPTEMBER 2026 (SELASA)	
MEDIA	Utusan Malaysia
TAJUK	Pelajar MRSM ATM Bera ke Gua Musang
PAUTAN	https://tinyurl.com/3nct5aak



Pelajar MRSM ATM Bera ke Gua Musang

SERAMAI 33 orang pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) ATM Bera menyertai Program Rehlah Huffaz ke Gua Musang, Kelantan baru-baru ini.

Program selama tiga hari itu bertujuan menimba pengalaman pembelajaran di luar kampus, di samping menyantuni masyarakat menerusi pelbagai aktiviti berteraskan al-Quran.

Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah sumbangan al-Quran kepada penumpang kereta api dari Triang ke Gua Musang selain program Tahsin Bacaan al-Quran bersama pelajar SMK Sains Gua Musang di Masjid Jamek Razaleigh.

■ PENGETUA MRSM ATM Bera, Shahariman Abd Rahman bersama pelajar huffaz MRSM ATM Bera menyertai Program Rehlah Huffaz ke Gua Musang, Kelantan.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 15 SEPTEMBER 2026 (SELASA)	
MEDIA	BERNAMA TV
TAJUK	MIHAS 2026 platform ketengah cadangan penubuhan Majlis Halal ASEAN
PAUTAN	https://tinyurl.com/2tuhb95b

LIPUTAN MEDIA 15 SEPTEMBER 2026 (SELASA)	
MEDIA	KLASIK fm
TAJUK	MIHAS 2026 platform ketengah cadangan penubuhan Majlis Halal ASEAN
PAUTAN	https://tinyurl.com/ra58tuu4